


FTeK Anjur Pertandingan Robot LEGO Pupuk Minat Pelajar Sekolah



Kuantan, 8 Mac - Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) dengan kerjasama Techtronic Learning Centre dan Sasbadi telah menganjurkan Pertandingan Robot LEGO Peringkat Sekolah Daerah Kuantan dan Pekan yang berlangsung di Astaka baru-baru ini bagi memupuk minat para pelajar dalam bidang teknologi robotik.

Pertandingan ini disertai oleh 54 pasukan daripada pelbagai sekolah dari daerah Kuantan dan Pekan. Setiap pasukan adalah terdiri daripada tiga orang pelajar dan pertandingan dibahagikan mengikut kategori sekolah rendah, sekolah menengah dan kategori GEN-2 Football.

Menurut Dekan FTeK, Profesor Dr. Zularisam Abd. Wahid, acara untuk kategori sekolah rendah ini memerlukan para peserta membina "line-following" robot untuk mengikuti lingkaran laluan yang telah disediakan dengan pelbagai warna. Para peserta diuji dengan keupayaan mereka menggunakan sensor warna bagi membolehkan robot mereka tidak tersasar dari laluan yang telah disediakan.



"Bagi kategori sekolah menengah pula robot tersebut diminta meletakkan empat tin minuman berwarna merah dan satu tin berwarna kuning pada logo UMP mengikut urutan yang telah ditetapkan. Kategori ini mengutamakan kebijaksanaan dalam menyusun strategi supaya dapat menyelesaikan tugas secepat mungkin tanpa menjatuhkan mana-mana tin minuman," katanya.

Manakala kategori terakhir adalah GEN-2 Football yang mana setiap pasukan memerlukan dua robot, iaitu robot 'striker' dan 'goal-keeper'. Robot para peserta perlu menjaringkan gol untuk mendapatkan mata, dan kategori ini menguji keupayaan peserta memprogramkan robot yang menggunakan sensor infra-red.

Beliau hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang menyaksikan Techtronic Learning Centre menang bagi kategori sekolah rendah diikuti oleh SK Bandar 2 Paloh Hinai dan di tempat ketiga adalah SK Galing.

Sementara itu, bagi kategori sekolah menengah dimenangi SMK Paya Besar dan tempat kedua dan ketiga dibolot oleh SMK Tanah Putih. Kategori terakhir iaitu GEN-2 Football pula dimenangi oleh Sekolah Maahad Tahfiz dan diikuti oleh SMK Sultanah Hajjah Kalsom bagi tempat kedua dan ketiga.

Profesor Dr. Zularisam mengharapkan pertandingan ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi menanam minat para pelajar sekolah sejak kecil lagi terhadap bidang sains dan teknologi khususnya teknologi robotik.



Berita dan gambar disediakan oleh Sulastri Abdul Manap, Mohd. Azlan Sayuti, Mohd. Norman Nizam Mansor dan Mohammad Firdaus Rosli dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 27-03-2015, 09:36:45